

63

**SOALAN NO. : 33**

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG  
[ALOR GAJAH]**

**TARIKH : 14 MAC 2018 (RABU)**

**SOALAN:**

**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ] minta MENTERI SUMBER ASLI  
DAN ALAM SEKITAR menyatakan usaha yang akan dilaksanakan  
termasuk pembinaan kolam takungan air bagi mengatasi masalah banjir  
khususnya di kawasan Alor Gajah.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) *Rolling Plan* ke-2 sebanyak RM30 juta bagi melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Alor Gajah Fasa 1, Daerah Alor Gajah, Melaka. Status terkini projek tersebut adalah di peringkat reka bentuk terperinci oleh perunding.

Antara komponen yang akan dilaksanakan dalam projek tersebut adalah seperti berikut:

1. Reka bentuk terperinci, kerja pengukuran dan penyiasatan tanah;
2. Pembinaan kolam takungan serta struktur-struktur berkaitan; dan
3. Menaik taraf sungai.

Sekian, terima kasih.